

SHAHARUDDIN MAARUF



**KONSEP
WIRA
DALAM
MASYARAKAT
MELAYU**

**MEMBELAI
ROMANTISME DEKADE**

0.2309
SHA

EDISI BARU

Gambar kulit buku menunjukkan gubahan arca gangsa mengabadikan keperwiraan Jose Rizal di Bagumbayan yang ditembak mati pasukan penembak Sepanyol pada 30 Disember 1896.



Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmunan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya, **GB Gerakbuda Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.

Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu

Membelai Romantisme Dekaden

SHAHARUDDIN b. MAARUF



PUSTAKA PERDANA



1010585

Strategic Information and Research Development Centre
Petaling Jaya, Malaysia



Sebuah Buku Pengetahuan
Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu

© Dr. Shaharuddin Maaruf

Cetakan Pertama 1993
 Diterbitkan oleh Pustaka Nasional Pte Ltd

Diterbitkan pada tahun 2014 oleh

Strategic Information and Research Development Centre
 No. 2, Jalan Bukit 11/2, 46200 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Email: gerak@gerakbudaya.com
 Website: www.gerakbudaya.com

ISBN 978-967-0630-43-4 (pbk.)

Semua hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan di dalam sistem pengeluaran semula, atau pun dipancarkan walau melalui sebarang cara sekali pun termasuklah kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Shaharuddin Maaruf

Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu : Membelai Romantisme Dekaden /
 Shaharuddin b. Maaruf.

Bibliography: page 148

ISBN 978-967-0630-43-4

1. Malay literature--History and criticism
2. Heroes in literature

I. Judul

899.2309

Dicetak oleh

Vinlin Press Sdn Bhd
 2, Jalan Meranti Permai 1
 Meranti Permai Industrial Park
 Batu 15, Jalan Puchong
 47100 Puchong, Selangor, Malaysia



Kandungan

<i>Penghargaan</i>	vi
<i>Pengantar</i>	vii
<i>Prakata</i>	viii
<i>Prakata Edisi Ini</i>	x
BAB PERTAMA	
Pengenalan	1
BAB KEDUA	
Pemikiran dan Nilai-nilai Dua Wira Feudal: Hang Tuah dan Hang Jebat	21
BAB KETIGA	
Pemuja-Wira Feudal Menyanjung Kebatilan	43
BAB KEEMPAT	
Keperwiraan Feudal Sebagai Cita Murni Kehidupan Bersejarah	59
BAB KELIMA	
Konsepsi Wira Kebendaan	87
BAB KEENAM	
Penutup: Masalah Elit Mundur	106
<i>Bibliografi Pilihan</i>	148



Penghargaan

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Puan Rasmidah Rawi dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS) atas segala pertolongannya mengemaskan manuskrip asal, lebih-lebih lagi memandangkan saya tidak begitu mahir dalam IT. Dengan ikhlasnya saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada penerbit SIRD kerana memberi peluang karya dibaca. Saya ingin merakamkan penghargaan saya terhadap Chong Ton Sin, yang berdegil menerbitkan semula buku yang sebegitu lama tiada lagi tercetak, meskipun pada mulanya saya berasa enggan. Saya amat beruntung mendapat perkhidmatan Ivan Foo sebagai penyunting, yang tepat dan rapi dalam kerjanya dan rakan kerja yang amat selesa. Saya tidak mungkin mengucapkan terima kasih sepenuhnya kepada Janice Cheong, yang mengusahakan dengan kreatif dan rajin kulit buku, yang sabar melayani kerambangan saya.

Pengantar*

Persoalan kepimpinan sesungguhnya asasi bagi kemajuan sesebuah masyarakat. Justeru, konsepsinya apa itu keperwiraan atau *heroic* adalah signifikan, dalam pengertian ia mencoraki sebahagiannya pola motivasi mereka yang terlibat. Pengarang buku ini berusaha mengkaji konsepsi wira sebagai yang dipamirkan golongan pemerintah. Ia menjejaki hubungannya dengan berbagai peristiwa penting dalam sejarah Melayu buat menunjukkan kepentingan temanya.

Pembaca akan menggarap menafaat besar dari buku ini. Mereka akan dapat memahami politik dan cara hidup orang Melayu dengan lebih mendalam lagi. Ini merupakan usaha julung-julung kalinya mengkaji konsepsi wira dalam masyarakat Melayu. Sambutan orang ramai mungkin berbeda-beda. Adalah diharapkan agar sambutan sedemikian disalurkan ke wacana yang rasional dan tidak sekadar ledakan emosi cuma.

Mereka yang kurang bersetuju dengan beberapa kenyataan dalam buku ini seharusnya sanggup menolaknya secara logik dan tersusun. Namun apa jua sambutannya, yang pasti, cara pengarang mengolah persoalan menyajikan satu pembacaan yang menarik. Setiap orang yang berhasrat mendalami lagi pengertiannya tentang masyarakat Melayu tidak mampu mengabaikan buku ini. Saya mengharapkan banyak lagi sumbangan dari pengarang.

Dr. Syed Hussein Alatas

* Pengantar kepada edisi asal dalam bahasa Inggeris (1982).

Prakata*

Buku ini ditulis dengan harapan ianya dapat menyumbang kepada kemajuan orang-orang Melayu. Namun demikian ia tidak menganjurkan petua-petua ajaib atau rencana-rencana kilat. Mereka yang mengerti kompleksnya perubahan sosial dan penyusunan semula masyarakat tentu dapat menyetujui bahawa perubahan dan penyusunan tak dapat dijadikan bahan buku-buku panduan segera untuk dilaksanakan oleh mereka yang berjiwa mekanis. Mereka yang menuntut resipi perubahan sosial tergolong kepada dua jenis. Yang pertama mereka yang daif mengenai bidang ini dan yang kedua pula terdiri dari mereka yang tidak mempedulikan sama sekali masalah-masalah masyarakat dan persoalan ketidakadilan. Bagi kumpulan kedua ini, mereka menuntut penyelesaian pasang siap hanya sebagai helah mencari salah golongan intelek dan untuk menpeng sikap mereka yang acuh tak acuh terhadap masalah-masalah sosial.

Perubahan dan pembaharuan sosial biasanya melibatkan dua proses, pertamanya diagnosis dan yang keduanya terapi. Buku ini berharap dapat menyumbang kepada kemajuan orang-orang Melayu menerusi diagnosis dengan cara menganalisis kekurangan atau kelemahan mereka dalam bidang penilaian atau falsafah sosial. Penulis berpendapat di sinilah letaknya punca masalah-masalah pokok yang mereka hadapi. Dewasa ini terdapat beberapa cubaan mengupas masalah masyarakat Melayu yang malangnya gagal menerangi ufuk intelek orang-orang Melayu, malah telah mengeruhkannya lagi. Ada yang merujuk kepada teori-teori ras, atau hanya bulat-bulat menyalahkan penjajahan, sementara yang lain pula menyalahkan massa Melayu sebagai helah menutup kelemahan-kelemahan mereka sendiri. Jauh dari mengupas punca masalah dengan berkesan, hasil usaha mereka itu hanya membuktikan bahawa mereka sendiri merupakan sebahagian dari masalah yang kini membelenggu masyarakat Melayu.

* Prakata pengarang kepada buku asal (edisi Inggeris 1982).

Buku ini berharap dapat mendorong orang-orang Melayu meneliti diri, nilai-nilai, pendidikan dan kepemimpinan sosial mereka. Kerana masyarakat Melayu kini di persimpangan jalan, mereka seharusnya mempunyai keberanian moral dan intelek untuk membahaskan persoalan-persoalan asasi. Mereka harus bersedia membahaskan prinsip-prinsip falsafah sosial mereka. Maha penting mereka insaf betapa pentingnya persoalan arah itu, kerana mereka tak akan berjaya menyelesaikan masalah-masalah sosial dan ekonomi mereka dengan menambah usaha sekiranya usaha itu tersilap haluan. Mereka perlu terlebih dahulu memahami masalah dan puncanya. Hanya selepas itu, baru mereka dapat dengan jelas dan teratur mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Penulis insaf bahawa usahanya untuk mengupas masalah mungkin akan diselewengkan oleh golongan-golongan tertentu sebagai satu pengkhianatan. Bagi penulis tugas menyatakan kebenaran, walaupun yang pahit, adalah terlalu penting untuk diabaikan semata-mata kerana takut tuduhan-tuduhan melulu. Ini memang merupakan satu paradoks kehidupan. Selalu juga mereka yang membela dipermusuhi oleh mereka-mereka yang dibela. Ini merupakan nasib kebanyakan tokoh-tokoh reformasi yang tulen dalam sejarah kemanusiaan. Kalau ini hakikatnya dengan tokoh-tokoh agung, tiada sebab mengapa penulis kerdil seperti saya akan terkecuali.

Manuskrip buku ini siap ditulis pada April 1979. Saya mengambil keputusan menerbitkannya dalam bentuk asal, cuma hanya mengemas-kan beberapa butir di sana sini, kerana pada keseluruhannya diagnosis saya masih bersesuaian dengan kenyataan masyarakat Melayu. Satu perubahan besar semenjak buku selesai ditulis ialah kemunculan kepemimpinan baru di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam. Sejak itu terdapat penglafasan tegas betapa nilai-nilai positif perlu bagi masyarakat Melayu. Adalah diharapkan permulaan yang begitu menjanjikan ini dan penglafasan-penglafasan itu akan diserapkan ke dalam perancangan sosial pentadbiran yang baru.

Buku ini tidak berpura-pura serba lengkap dan sempurna memperkatakan persoalan nilai-nilai Melayu. Saya mengaggapnya semacam satu pengenalan kepada satu penyelidikan yang lebih meluas mengenai nilai-nilai Melayu, yang saya jalankan kini.

Shaharuddin Maaruf

Kuala Lumpur

4 Mac 1982